





### TAHUKAH ANDA?

Anda boleh menggunakan Zoom untuk mengatur atau menyertai perjumpaan maya atau webinar dari keselesaan rumah anda!


### LANGKAH 1A Pasang aplikasi Zoom pada telefon bimbit anda

Pergi ke **Apple App Store**  atau **Google Play Store**  untuk memuat turun aplikasi Zoom dan melancarkan aplikasi.


1. Untuk pengguna iOS, tekan **'Dapatkan'** untuk memuat turun aplikasi.
2. Untuk pengguna Android, tekan **'Pasang'** untuk memuat turun aplikasi.

### LANGKAH 1B Sertailah perjumpaan maya Zoom atau webinar dengan telefon bimbit


Klik pada pautan Zoom yang dihantar kepada anda melalui e-mel atau melalui mesej segera.




3. Masukkan nama anda, sambungkan ke audio dan hidupkan video anda. Ketik **'Sertai Mesyuarat'**.



4. Masukkan kata laluan mesyuarat dan klik **'Teruskan'**.




5. Ketik **'OK'** untuk membolehkan Zoom mengakses kamera anda. Pilih **'Sertai dengan video'**.




6. Ketik **'OK'** untuk membolehkan Zoom mengakses mikrofon anda.

### LANGKAH 2 Sertai perjumpaan maya Zoom atau webinar dengan komputer

Klik pada pautan Zoom yang dihantar kepada anda melalui e-mel atau melalui mesej segera.



7. Klik **'Klik di sini'** dan pilih **'Sertai dari pelayar anda'**.



8. Masukkan kata laluan mesyuarat dan nama anda. Klik **'Sertai'**.



9. Tunggu sehingga tuan rumah memberi anda akses ke webinar.

*Anda tidak perlu mendaftar akaun Zoom untuk menyertai perjumpaan maya atau webinar Zoom. Anda memerlukan akaun Zoom jika anda ingin mengatur perjumpaan maya atau webinar.*

### Petua keselamatan siber (Kredit: Cyber Security Agency of Singapore)

- **Jangan** mendedahkan maklumat peribadi dalam talian.
- **Jangan** berkongsi pautan dan kata laluan mesyuarat maya / webinar Zoom dengan seseorang yang tidak dijemput ke sesi tersebut.
- **Jangan** berkongsi fail sensitif atau mengadakan perbincangan sensitif.
- **Jangan** buka atau muat turun pautan dan lampiran yang tidak disahkan dari sumber yang tidak diketahui dalam fungsi sembang.